


# Kolej Kediaman Sri Angkasa adakan gotong royong perdana

UB 27.9.2018 B2

KOTA KINABALU: Kolej Kediaman Sri Angkasa (KKSA) memulakan sesi pengajian semester 2018/2019 melalui penglibatan di dalam aktiviti Program Gotong Royong Perdana UMS Sesi 2018/2019.

Objektif pelaksanaan program ini adalah untuk memupuk rasa tanggungjawab dalam kalangan ahli residen kolej kediaman di samping memastikan kawasan kampus sentiasa sihat untuk didiami.

Menurut Pengarah Program Amira, bertepatan dengan tema 'Sayangi Kolejku, Kampus Harmoni, Bebas Denggi' ia menunjukkan rasa tanggungjawab warga KKSA dalam memastikan keadaan kolej sentiasa sihat dan selamat untuk didiami.



**SESI bergambar bersama pengetua kolej, barisan felo, Lee, JAKMAS dan juga sebahagian peserta serta Jawatankuasa Pelaksana KKSA.**

Melaluinya juga ia mampu memupuk persefahaman dan perpaduan dalam kalangan pengurusan kolej kediaman dan residen di kolej berkenaan.

Program ini juga turut dijalankan serentak diseluruh kolej kediaman di dalam dan luar UMS sekitar Kota Kinabalu.

Program ini dihadiri oleh

kakitangan Pengurusan Kolej Kediaman Sri Angkasa termasuklah Pengetua Kolej Wijaya Kamal Ramlan, barisan felo dan JAKMAS KKSA.